

UCAPAN ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

**MAJLIS PELANCARAN KERJA UNDI BAGI KERJA PEMBAIKAN &
PENYELENGGARAAN KUARTERS KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN) TAHUN 2015 (ONE-OFF) BAGI NEGERI PERLIS**

OLEH

**Y.BHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HJ. AKOB
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

16 JUN 2015

DI DEWAN WARISAN, KANGAR, PERLIS

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis.

Y.A.B Dato' Seri Azlan bin Man
Menteri Besar Negeri Perlis

YB. Tuan Haji Hamdan Bahari
Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

YB. Tuan Romli bin Dai
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Dato' Sr. Abdull Manaf bin Hj. Hashim
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
Jabatan Kerja Raya

Ahli-ahli Yang Berhormat, Semua Pegawai-pegawai kanan Negeri Perlis, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Jemputan daripada Agensi Pelanggan, Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan hidayah dan izin-Nya, saya dapat hadir dalam Majlis Pelancaran Kerja Undi Bagi Kerja Pembaikan & Penyelenggaraan Kuarters Kementerian Dalam Negeri (KDN) Tahun 2015 (One-Off) Bagi Negeri Perlis.

1. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Y.A.B Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan bin Man atau kesudian beliau untuk hadir sama merasmikan majlis kita pada hari ini. Kehadiran beliau pada hari ini saya yakin dapat menyuntik semangat kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari ini untuk melalui proses kerja undi dan menunjukkan kepekaan beliau untuk memastikan pembangunan infrastruktur di negeri Perlis dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KERJA UNDI PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAN KUARTERS

KDN

Y.A.B Dato' Seri, Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Program Kerja Undi adalah sebahagian daripada program pembangunan kontraktor Bumiputera. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab memacu sektor pembinaan negara, saya yakin bahawa pembangunan kontraktor merupakan sebahagian elemen penting dalam pembangunan sektor pembinaan secara menyeluruh. Apatah lagi, realitinya, kontraktor Bumiputera terpaksa bersaing dengan kuat dengan kontraktor lain dan dengan pelaksanaan Kerja Undi ini dapat membuka ruang dan peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk lebih maju ke hadapan. Kerja-kerja undi ini juga akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan kek kekayaan dalam sektor pembinaan dapat diagihkan secara adil dan saksama.

3. Selain daripada program Kerja Undi, di bawah Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, KKR jua sedang dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif lain seperti program "Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi" (KBBT) dan Pembukaan Kontraktor Kelas G1 (Bumiputera/Tred) dengan tujuan untuk mewujudkan kontraktor yang tulen dan berdaya saing dalam melaksanakan sesebuah projek Kerajaan.

“KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERPRESTASI TINGGI” (KBBT)

Y.A.B Dato’ Seri, Dato’-dato’, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pembangunan Kontraktor Bumiputera di kelas yang lebih besar dan tinggi juga tidak dipinggirkan oleh KKR. Untuk makluman semua, melalui BPKU, satu program telah pun dilaksanakan yang di namakan Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi atau singkatannya KBBT.

5. KBBT merupakan sebuah program di mana kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan KKR akan dinilai dan disaring dengan kriteria-kriteria tertentu bagi mengenalpasti kontraktor yang betul-betul tulen dan berprestasi tinggi. Kriteria yang dikenakan adalah berdasarkan kepada pengurusan sumber manusia dan kewangan, kemampuan dan kebolehan kontraktor dalam melaksanakan sesuatu projek Kerajaan, pengalaman lalu dalam mengendalikan projek, kepakaran dan pengurusan projek, pemilikan ekuiti dan jentera serta pengiktirafan yang diperoleh daripada pihak luar.

6. Boleh dikatakan kriteria yang dikenakan amat ketat dan merangkumi semua aspek pembangunan kontraktor secara menyeluruh. Sistem pemarkahan akan digunakan dan kontraktor yang memperoleh markah yang tertinggi akan diberikan pengiktirafan oleh KKR dan kita juga berhasrat untuk mengemukakan nama-nama kontraktor yang berjaya ini kepada semua Agensi Kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada

mereka dalam memberikan kerja-kerja pembinaan ataupun menjadi rujukan sebagai kontraktor penyelamat.

7. Program ini bertujuan untuk mencegah projek yang dibiayai oleh Kerajaan untuk jatuh 'sakit' dan bermasalah dan di samping memastikan peruntukan yang disalurkan dapat dibelanjakan dengan sebaik mungkin. Seramai **210 Kontraktor G7** telah **pun di senarai pendek** dan akan melalui proses saringan seterusnya oleh KKR. Kepada kontraktor G7 yang berminat, peluang masih lagi terbuka untuk menyertai program KBBT ini, dan sekiranya program ini berjaya, akan dipanjangkan kepada kelas-kelas lain iaitu G4 – G6.

PEMBUKAAN KONTRAKTOR KELAS G1 (BUMIPUTERA)/TRED

Y.A.B Dato' Seri, Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Pada tanggal **1 Jun 2015**, KKR melalui Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dan Construction Industrial Development Board (CIDB) secara rasminya telah pun membuka pendaftaran Kontraktor G1(Bumiputera)/ Tred. Umum sedia maklum, bahawa kontraktor kelas F telah dibekukan oleh Kerajaan pada tahun 2005 atas faktor lambakan kontraktor kelas F. Pada tahun 2011, Jemaah Menteri telah bersetuju agar pendaftaran kontraktor kelas G1 Bumiputera ini dikaji semula dan perlu dilaksanakan secara terkawal.

9. Beberapa sesi '*engagement*' telah dilaksanakan oleh KKR dengan pihak berkepentingan. Antaranya adalah dengan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (Perkobf). KKR telah mengesyorkan kepada Kerajaan dan pihak berkepentingan ini agar pendaftaran kontraktor kecil ini perlu dilihat dari aspek tred (kepakaran dan pengkhususan) dan Alhamdulillah, hasil daripada keputusan bersama dengan pihak berkepentingan, kami telah berjaya melaksanakan idea ini.

10. Rasional pembukaan pendaftaran Kontraktor Gred G1(Bumiputera)/Tred ini bagi memenuhi aspirasi dan keperluan semasa generasi muda yang berkelulusan dan memiliki kemahiran di dalam bidang kejuruteraan pembinaan yang ingin menceburi industri pembinaan. Pengwujudan kontraktor tred ini di kalangan golongan muda berumur lingkungan 21 – 40 tahun akan menjadi nilai tambah kepada pembangunan kontraktor ke arah melahirkan, di peringkat asas, generasi kontraktor yang lebih mantap, cekap dan boleh dipercayai. Pengkhususan kepakaran kontraktor yang diberi peluang juga merupakan persediaan industri ke arah Negara maju.

11. Pendaftaran kontraktor Tred ini akan melihat dari aspek kepakaran dan pengkhususan di mana untuk (1) satu lesen pendaftaran, hanya **(1) satu** kepakaran dan kod bidang pengkhususan yang boleh dinyatakan dalam lesen pendaftaran tersebut. Pemohon yang berminat untuk memohon **WAJIB** untuk memperoleh Sijil Kemahiran Kecekapan (SKK) daripada CIDB yang mana akan menentukan kemahiran dan kepakaran

kontraktor dalam kerja-kerja pembinaan. Sebagai contoh, sekiranya pemohon pakar dalam kerja mengecat atau pelepa atau pemasang jubin, hanya kod bidang pengkhususan tersebut diberikan kepada mereka. Langkah ini adalah satu transformasi “*rebranding*” dan “*added value*” kepada Kontraktor Gred G1 Bumiputera dalam Industri Binaan Negara dan melahirkan generasi kontraktor kecil yang berkemahiran tinggi.

12. Bagi sesiapa yang berminat dan berhasrat untuk memohon, boleh menghubungi Pejabat BPKU dan CIDB negeri yang berhampiran. Untuk makluman semua, Kementerian dalam tindakan untuk melaksanakan promosi dan ‘*roadshow*’ berhubung perkara ini melalui acara-acara rasmi dan juga media cetak, elektronik dan juga media sosial. KKR mensasarkan sebanyak 8,000 kontraktor G1 (Bumiputera)/Tred berdaftar pada penghujung tahun ini.

PENUTUP

Y.A.B Dato’ Seri, Dato’-dato’, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bagi mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Y.A.B Menteri Besar Perlis, Dato’ Seri Azlan bin Man atas kehadiran beliau pada hari ini. Adalah diharapkan jalinan kerjasama antara Kementerian Kerja Raya dan juga Kerajaan Negeri Perlis akan berterusan pada masa hadapan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.